

Newspaper	Berita Harian
Date	23 June 2015

# TPM bincang lonjakkan kebolehpasaran graduan

BH-23/6/2015

» Sidang CCEM Ke-19 tentukan hala tuju pendidikan lebih efektif anggota Komanwel

**JUNITA MAT RASID**

junita@bh.com.my

↳ Nassau, Bahamas



**T**an Sri Muhyiddin Yassin akan menyampaikan ucapan sempena Persidangan Menteri-Menteri Pendidikan Komanwel (CCEM) Ke-19 yang bermula hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, persidangan itu akan membincangkan isu terkini bidang berkenaan demi kepentingan negara anggota.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata, persidangan juga akan mengenal pasti penyumbang utama untuk membangunkan kualiti pendidikan, selain membincangkan usaha melonjakkan kebolehpasaran graduan.

## Tingkat prestasi ekonomi

"Persidangan juga membincangkan usaha meningkatkan prestasi dan produktiviti dalam bidang ekonomi yang akan turut menentukan hala tuju pendidikan yang lebih efektif untuk menjalin pembangunan serta kemajuan kesaksamaan dalam kalangan negara anggota," katanya pada



Muhyiddin dan isteri, Puan Seri Nooraini Abdul Rahman tiba di Bahamas untuk lawatan empat hari, semalam. [FOTO BERNAMA]

sidang media sempena rangka lawatan empat hari ke Bahamas bermula semalam.

Muhyiddin berkata, beliau akan berkongsi mengenai aspek pembangunan pendidikan negara, pengalaman dan usaha membangunkan tenaga mahir daripada Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) serta Sains Teknologi Pendidikan dan Matematik (STAM).

"Ini program yang kita tumpukan di Malaysia dan akan kongsi pengalaman dengan rakan anggota negara Komanwel

termasuk kebolehpasaran graduan kerana dalam pendidikan kita tidak setakat untuk mewujudkan tenaga kerja, untuk cari kerja tetapi peluang pekerjaan.

"Saya juga akan sentuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang bermula pra-sekolah sehingga pendidikan tinggi yang kita lancarkan dan mungkin juga sentuh pembangunan TVET yang menjadi antara bidang pendidikan yang kita beri tumpuan di Malaysia," katanya.

Muhyiddin berkata, Malay-

sia sedang pesat membangun dalam sektor pendidikan dan mahu menjadi hab kemasukan lebih banyak pelajar komanwel.

Dalam rangka lawatannya, Muhyiddin akan bertemu rakan sejawatnya merangkap Menteri Kerjaraya dan Pembangunan Bandar, Phillip E Brave Davis bagi membincangkan hubungan dua hala.

Beliau juga akan bertemu Menteri Pendidikan Bahamas dan Jamaica yang dijangka membincangkan usaha kerjasama pendidikan.